

29/10/1997

Negara kecil perlu tukar data

Karim Sulaiman in Ljubljana (Slovenia)

LJUBLJANA (Slovenia), Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara kecil perlu bertukar-tukar maklumat, termasuk dalam arah aliran perdagangan mata wang dunia bagi mengelak diri mereka daripada menjadi mangsa pihak tidak bertanggungjawab.

Perdana Menteri berkata, adalah penting bagi negara kecil bertukar maklumat mengenai arah aliran dalam membuka perdagangan di seluruh dunia.

"Kita kadang kala mendapati membuka negara kita untuk perdagangan luar akan menghasilkan pelaburan menguntungkan.

"Tetapi pada masa yang sama, kita terdedah kepada ancaman sesetengah ahli perniagaan yang tidak bertanggungjawab.

"Kita tidak boleh membiarkan tekanan pasaran saja dalam menentukan bagaimana hubungan ekonomi di antara negara dijalankan.

"Satu perkara yang perlu diberi perhatian ialah pertukaran maklumat mengenai perdagangan mata wang," katanya pada sidang akhbar bersama Perdana Menteri Slovenia, Dr Janez Drnovsek, di sini, pagi ini.

Sebelum ini, kedua-dua Perdana Menteri mengadakan perbincangan dua hala dan menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara kedua-dua negara.

Perdana Menteri yang mengadakan lawatan rasmi tiga hari ke sini berakhir esok, petang ini menemui ahli perniagaan Slovenia.

Beliau menyampaikan ucapan tama dan menjawab pelbagai soalan daripada ahli perniagaan Slovenia yang mahu berniaga di Malaysia.

Dr Mahathir menegaskan, krisis pasaran kewangan yang melanda Asia Tenggara dan kini merebak ke Asia Timur dan Amerika Latin bukan disebabkan kesalahan dalam ekonomi.

Menurutnya, ia diwujudkan oleh pihak tertentu, termasuk manipulator mata wang yang mahu membuat keuntungan daripada pelaburan jangka pendek dengan menjalankan perniagaan mata wang.

Beliau sekali lagi mengulangi pendirian Malaysia yang mahukan perdagangan itu dijalankan secara terbuka melalui satu peraturan dan bukannya secara rahsia seperti sekarang.

Pendirian Malaysia itu turut disokong Slovenia, apabila Drnovsek bersetuju untuk bertukar maklumat perdagangan, termasuk perdagangan mata wang dengan Malaysia.

Menurutnya, Slovenia mahu belajar pengalaman Malaysia yang menghadapi krisis pasaran kewangan.

"Kita mesti mempertahankan diri daripada serangan pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Fenomena yang berlaku di Malaysia boleh berlaku kepada negara lain," katanya.

Sehubungan itu, Drnovsek berkata, negara kecil termasuk Slovenia perlu mengambil iktibar itu dan menganalisisnya bagi mewujudkan satu peraturan untuk mempertahankan negara masing-masing daripada menghadapi krisis pasaran kewangan.

Beliau juga menyatakan sokongan dan keyakinan terhadap Malaysia yang mempunyai rekod ekonomi cemerlang sejak 10 tahun lalu.

"Kami masih menganggap Malaysia sebagai rakan kongsi menguntungkan. Slovenia akan terus aktif dalam mengadakan kerjasama dan hubungan perdagangan dengan Malaysia," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir mahu Slovenia memainkan fungsi positif dalam memastikan kedamaian berterusan di Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri berkata, sebagai negara yang banyak membantu jirannya,

Slovenia boleh mempengaruhi rakannya di Eropah, terutama negara kuat bagi tujuan itu.

(END)